

Anak Malaysia juara

SEJARAH tercipta lagi apabila skuad bawah 19 tahun (B-19) kebangsaan menjuang trofi Piala AFF B-19 buat kali kedua selepas menewaskan Laos 2-0 pada aksi final di Stadium Patriot Chandrabaga, Jakarta kelmarin.

Bagaimanapun, ketua jurulatih skuad B-19 negara, Hassan Sazali Waras mengingatkan anak-anak buahnya tidak terbuai dengan kejayaan tersebut sebaliknya memberi tumpuan pada persiapan mengharungi kelayakan Piala AFC B-20 2023 pada September depan.

Tegas Hassan, kemenangan itu boleh dianggap medan pemanas

badan sebelum mengharungi saingan lebih penting pada kelayakan Piala AFC B-20

2023 di Mongolia selepas diundi dalam Kumpulan E.

"Saya anggap kejayaan ini cukup positif buat kami dan juga sebagai pemangkin semangat buat barisan pemain untuk tampil

lebih cemerlang pada kempen kelayakan Piala AFC B-20 2023 pada September depan," kata Hassan.

► BERITA DI MUKA 47



PARA pemain skuad B-19 Malaysia meraikan kejayaan menewaskan Laos 2-0 sekali gus muncul juara Piala AFF B-19 2022 di Stadium Patriot Chandrabaga, Jakarta kelmarin. —AFF





PARA pemain Malaysia meraikan kejayaan muncul sebagai juara selepas menewaskan Laos 2-0 pada aksi final Piala AFF B-19 di Stadium Patriot Chandrabaga, Jakarta kelmarin. — AFF

Jangan terbuai menjulang piala

Oleh MUHD. ARDIE
PUTRA SUHAIMI

SKUAD bawah 19 (B-19) tahun negara tidak boleh terbuai dengan kejayaan menjulang trofi Piala AFF B-19 edisi 2022, sebaliknya memberi tumpuan pada persiapan mengharungi kelayakan Piala AFC B-20 2023 pada

Sebagai rekod, skuad muda Harimau Malaya berjaya menjulang trofi Piala AFF B-19 buat kali kedua dalam sejarah selepas menewaskan Laos pada aksi final dengan keputusan 2-0 pada saingan di Stadium Patriot Chandrabaga, Jakarta kelmarin.

Kata Hassan, kemenangan tersebut boleh dianggap sebagai

untuk tampil lebih cemerlang pada kempen kelayakan Piala AFC B-20 2023 pada September depan.

"Apa yang pasti, pujian wajar diberikan kepada pasukan yang tampil begitu berdisiplin sepanjang kejohanan dengan barisan kejurulatihan serta pihak pengurusan memberikan komitmen



PIALA AFF
B-19 2022

KEPUTUSAN

FINAL
MALAYSIA 2-0 LAOS

PENENTUAN TEMPAT KETIGA

FAM-MSN pada saingan Liga Premier turut mengangap Indonesia sebagai 'bumi bertuah' buat skuad kebangsaan selepas mengulangi pencapaian menjuarai Piala AFF B-19 edisi 2018.

"Saya akui Indonesia memberi tuah tersendiri buat Malaysia kerana pada edisi 2018 ketika dianjurkan di sini, kami berjaya

Jangan terbuai menjulang piala

Oleh MUHD. ARDIE
PUTRA SUHAIMI

SKUAD bawah 19 (B-19) tahun negara tidak boleh terbuai dengan kejayaan menjulang trofi Piala AFF B-19 edisi 2022, sebaliknya memberi tumpuan pada persiapan mengharungi kelayakan Piala AFC B-20 2023 pada September depan.

Peringatan tersebut disampaikan oleh ketua jurulatih, Hassan Sazali Waras selepas menyaksikan anak-anak buahnya menamatkan penantian empat tahun dengan menjuarai kempen Piala AFF B-19 edisi 2022 di Indonesia kali ini.

Sebagai rekod, skuad muda Harimau Malaya berjaya menjulang trofi Piala AFF B-19 buat kali kedua dalam sejarah selepas menewaskan Laos pada aksi final dengan keputusan 2-0 pada saingan di Stadium Patriot Chandrabaga, Jakarta kelmarin.

Kata Hassan, kemenangan tersebut boleh dianggap sebagai medan pemanas badan sebelum mengharungi saingan lebih penting pada kelayakan Piala AFC B-20 2023 di Mongolia selepas diundi dalam Kumpulan E.

"Saya anggap kejayaan ini cukup positif buat kami dan juga sebagai pemangkin semangat buat barisan pemain

untuk tampil lebih cemerlang pada kempen kelayakan Piala AFC B-20 2023 pada September depan.

"Apa yang pasti, pujian wajar diberikan kepada pasukan yang tampil begitu berdisiplin sepanjang kejohanan dengan barisan kejurulatihan serta pihak pengurusan memberikan komitmen jitu.

"Meskipun kami melakukan persiapan yang singkat, namun tiada apa yang mustahil.

"Saya optimis barisan pemain muda ini memiliki masa depan yang cerah di pentas bola sepak tempatan dan antarabangsa," katanya selepas tamat perlaw-



**PIALA AFF
B-19 2022**

KEPUTUSAN

FINAL		
MALAYSIA	2-0	LAOS
PENENTUAN TEMPAT KETIGA		
VIETNAM*	1-1	THAILAND

Nota: Vietnam menang menerusi penentuan penalti 5-3.

nan kelmarin.

Sementara itu, Hassan yang juga pengendali skuad Projek

FAM-MSN pada saingan Liga Premier turut menganggap Indonesia sebagai 'bumi bertuah' buat skuad kebangsaan selepas mengulangi pencapaian menjuarai Piala AFF B-19 edisi 2018.

"Saya akui Indonesia memberi tuah tersendiri buat Malaysia kerana pada edisi 2018 ketika dianjurkan di sini, kami berjaya bergelar juara dan mengulangi pencapaian itu tahun ini.

"Malah, saya turut memiliki pengalaman ketika berada dalam barisan kejurulatihan ketika skuad bawah 23 (B-23) menang pingat emas Sukan SEA 2011 di Jakarta sewaktu diketuai Datuk Ong Kim Swee," katanya.

Bangga dapat cipta sejarah buat negara – Aysar Hadi



AYSAR HADI (dua dari kanan) menerima anugerah Pemain Terbaik Perlawanan selepas Malaysia muncul Juara Piala AFF B-19 2022 di Stadium Patriot Chandrabaga, Jakarta kelmarin. – AFF

KAPTEN skuad bawah 19 (B-19) negara, Aysar Hadi Mohd. Shapri mengakui cukup puas dapat membantu pasukan menjuarai saingan Piala AFF B-19 2022 dengan menewaskan Laos 2-0 pada pentas final di Stadium Patriot Chandrabaga, Jakarta kelmarin.

Pada aksi tersebut, skuad negara kendalian Hassan Sazali Waras tidak mempunyai masalah untuk merekodkan kemenangan ke atas Laos hasil sepakan percuma Faiz Amer Runnizar pada minit ke-13 dan jaringan Aliff Izwan Yuslan (m-71).

Aysar Hadi yang menerima anugerah Pemain Terbaik Perlawanan (MVP) mengucapkan penghargaan terhadap pemilik

kelab Johor Darul Ta'zim (JDT), Tunku Ismail Sultan Ibrahim selepas sudi melepaskan barisan pemain muda Harimau Selatan bersama skuad B-19 negara.

"Syukur kami dapat mencipta sejarah untuk menjuarai trofi Piala AFF B-19 buat kali kedua. Secara peribadi, saya mengucapkan terima kasih kepada Tunku Mahkota Johor (Tunku Ismail) kerana melepaskan kami sebagai pemain JDT II untuk mewakili Malaysia.

"Sukar untuk saya gambarkan perasaan ketika ini tetapi sudah pasti cukup puas dapat membantu pasukan melakar kemenangan.

"Namun, ini adalah kejuaraan bersama hasil kerja keras rakan sepasukan dan barisan keju-

rujukan," katanya selepas tamat perlawanan.

Sementara itu, Aysar berharap kejayaan yang diraih dapat membuka peluangnya untuk mewakili skuad utama JDT, selain mengukuhkan tempat dalam kebangsaan pada masa depan.

"Saya harap ini adalah titik permulaan dalam karier saya untuk terus menyerlah dan sudah tentu mahu mewakili pasukan JDT pada masa akan datang dan juga kekal dalam pasukan kebangsaan," katanya.

Sebagai rekod, ini adalah kejuaraan kedua buat kem negara yang mara ke final buat kali keempat berturut-turut selepas berjaya merangkul gelaran sama pada edisi 2018 yang turut dilangsungkan di Indonesia.